




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **64 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **54,584 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Tawau. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh ialah 48 menjadikan jumlah kumulatif 53,733 orang. Seramai 422 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 172 orang di hospital dan 250 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 29 orang dan 13 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan berubah dari zon jingga ke zon merah, Lahad Datu bertukar dari zon kuning ke zon jingga, manakala Semporna bertukar dari zon hijau ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah lima (5) daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Kuning 14 daerah
- Zon Hijau empat (4) daerah

- 5 Pada hari ini, **dua (2) kluster baharu** direkodkan.
- i. **Kluster Jalan Kastam Baru di Lahad Datu** menokok lima (5) kes baharu positif COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak enam (6) kes. Kluster ini mula dikesan pada 25 Mac 2021, apabila kes indek yang merupakan pegawai penguatkuasa disahkan positif melalui saringan bergejala di klinik kerajaan. Susulan kes tersebut, saringan kontak rapat dan saringan tempat kerja dijalankan ke atas 51 orang dengan enam (6) kes didapati positif, manakala 39 lagi masih menunggu keputusan. Punca jangkitan masih dalam siasatan.
  - ii **Kluster Inanam Taipan di Inanam** pada hari ini mengesan satu (1) lagi kes menjadikan jumlah kumulatif sebanyak sembilan (9) kes positif COVID-19. Kes indeks merupakan kakitangan khidmat pelanggan di kedai menjual barangan kemas dan disahkan positif melalui saringan bergejala pada 16 Mac 2021. Berdasarkan penelitian kes, jangkitan tersebut berpunca daripada komuniti.
- 6 Daripada 64 kes positif COVID-19, sebanyak 22 kes (34.4%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, sembilan (9) kes (14.1%) saringan bergejala, 26 kes (40.6%) dari kluster baharu dan sedia ada serta tujuh (7) kes (10.9%) dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil 4,220 unit
- Hospital 502 unit
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,298 unit
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Peratus penggunaan katil 10%.

## **B PENAMATAN PKPD KAMPUNG LINGKUDAU, KENINGAU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Lingkudau, Keningau yang dijadualkan tamat pada esok, 28 Mac 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 1,396 ujian saringan dan daripada jumlah itu secara kumulatif sebanyak 91 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 3 KKM mengesahkan baki kes positif di lokaliti ini menunjukkan trend penurunan, kluster adalah terkawal serta kes terakhir yang dilaporkan ialah pada 23 Mac 2021.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri turut bersetuju **menamatkan PKPD di Kampung Lingkudau, Keningau pada 28 Mac 2021** seperti yang dijadualkan, selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat ini, seramai **19** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **42,007** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **2321** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **5152** orang.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Sejumlah **290,218** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 30 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 12,214 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 132 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 64 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 11 kompaun dikeluarkan Polis Kontinjen Sabah kerana melanggar SOP COVID-19.
  - Penampang : 11 orang
    - Tiada penjarakan sosial.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 106 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 48 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, dua (2) tangkapan telah dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 420 lokasi melibatkan seramai 191 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 83 anggota RELA di 80 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Sandakan dan Semporna.
- 7 Sejumlah 64 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 13 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 33 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **97%**.

Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Sipitang	98%
2	Semporna	98%
3	Kunak	97.5%
4	Penampang	97.5%
5	Sandakan	97%
6	Lahad Datu	97%
7	Beluran	97%
8	Kota Kinabalu	97%
9	Beaufort	97%
10	Ranau	97%
11	Kudat	97%
12	Papar	97%
13	Kota Marudu	97%
14	Tuaran	97%
15	Tenom	96.5%
16	Kinabatangan	96.5%
17	Keningau	96%
18	Tawau	96%
19	Kota Belud	96%

2 Ayuh, daftarkan diri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**27 Mac 2021**